

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ ARAU ]**

**TARIKH** : **1 JULAI 2019**

**SOALAN** : **104**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk kriteria yang perlu dipenuhi dalam meluluskan supaya perlantikan individu untuk memegang jawatan utama perkhidmatan awam dan apakah perlantikan ini, perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tanpa mengira kaum, bangsa dan agama sentiasa memberi ruang dan peluang yang saksama kepada penjawat awam untuk mengisi jawatan di peringkat pembuat keputusan dan strategik, termasuk jawatan Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) dan Ketua Pengarah (KP) selaras

dengan peruntukan di bawah **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 - Panduan Pengurusan Pemangkuhan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam**. Bilangan jawatan-jawatan tersebut adalah terhad maka proses pertimbangan pengisian perlu melalui proses pemilihan yang ketat berdasarkan **merit, prestasi, kelayakan, kompetensi, daya kepimpinan, pengalaman, integriti dan kesesuaian penerimaan** di peringkat Kementerian atau Jabatan.

Ini adalah bagi memastikan, pegawai yang mengisi jawatan-jawatan berkenaan adalah terdiri daripada pegawai yang kompeten dan berkebolehan. Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tidak diperuntukkan sebarang kuasa bagi pelaksanaan urusan ini buat masa ini. Walau bagaimanapun, bagi menambahbaik urusan ini, calon-calon yang melepas prestasi dan kelayakan di atas juga akan melalui saringan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan dipanjangkan ke Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (**GIACC**).